

Muhyiddin hadapi tuduhan ketujuh

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**

athir.ismail@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: “Saya faham (mengaku) tidak bersalah.”

Demikian pengakuan bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mengekalkan pengakuannya untuk pertuduhan ketujuh iaitu dakwaan pengubahan wang haram berjumlah RM5 juta di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Beliau yang juga Presiden Bersatu membuat pengakuan demikian dalam kandang tertuduh selepas menganggu faham terhadap pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh sambil disaksikan pimpinan Parti Bersatu dan Perikatan Nasional (PN).

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh dengan nama sebenarnya Mahiaddin Md. Yasin dituduh menerima hasil daripada aktiviti haram iaitu wang berjumlah RM5 juta daripada sebuah syarikat melalui akaun AmBank milik Parti Bersatu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu dekat sebuah cawangan bank di Petaling Jaya pada 7 Januari tahun lalu.

Justeru, beliau dituduh di bawah Seksyen 4(1)(b) dibaca bersama Seksyen 87(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Jika sabit kesalahan, Ahli Parlimen Pagoh itu boleh dipenjarakan sehingga 15 tahun dan denda sehingga lima kali ganda jumlah atau hasil daripada aktiviti haram atau RM5 juta mengikut



MUHYIDDIN Yassin melambai tangan kepada para penyokongnya selepas mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan ketujuh berkaitan pengubahan wang haram berjumlah RM5 juta dekat Mahkamah Sesyen di Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib kemudian memohon pertuduhan dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk disebut bersama kes tertuduh yang lain pada 26 Mei nanti.

Selain itu, pendakwaan turut memohon jaminan yang diputuskan pada 10 Mac lalu akan diguna pakai beserta syarat tambahan iaitu serahan pasport antarabangsa dan laporan diri di

pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berdekatan.

“Saya juga memohon kes ini dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur memandangkan ia berkait dengan perbicaraan di sana serta tarikh sebutan di Mahkamah Sesyen tersebut sudah ditetapkan pada 26 Mei ini,” katanya.

Rozilah kemudian membenarkan permohonan pendakwaan untuk mengguna pakai

jaminan serta syarat tambahan ditetapkan sebelum ini dan memindahkan pertuduhan ke Kuala Lumpur.

Pertuduhan dikendalikan pasukan pendakwaan yang diketuai Ahmad Akram bersama Timbalan Pendakwa Raya lain iaitu Mohd. Fadhly Mohd. Zamry, Zander Lim Wai Keong, Kalai Vani Annadorai dan Maziah Mohaide.

Sementara pasukan pembelaan pula diketuai Datuk K. Ku-

maraendran, Chetan Jethwani, Dev Kumaraendran, Amiratu Al Amirat Salleh Mohamed Garbaa, Mohd. Isa Mohamad Basir, Shahir Ab. Razak, Teh See Khoon, Varsha Chelvi dan Raja Syuhada Raja Khairuddin.

Jumaat lalu, bekas Timbalan Presiden UMNO itu berdepan enam pertuduhan membabitkan salah gunakan kedudukan dan pengubahan wang haram berjumlah RM232.5 juta.

Beliau menjadi individu ketiga dalam Bersatu yang berdepan tindakan mahkamah selepas bekas Ketua Penerangan Bersatu, Datuk Wan Saiful Wan Jan dan Timbalan Ketua Bersatu Bahagian Segambun, Adam Radian Adam Muhammad yang mana masing-masing dituduh pada hujung Februari lalu atas pertuduhan rasuah.

Hakim Azura Alwi kemudian membebaskan Muhyiddin dengan jaminan sebanyak RM2 juta bersama dua orang penjamin warga tempatan serta diperintah menyerahkan pasport antarabangsa untuk disimpan oleh mahkamah sehingga kes selesai.

Dalam prosiding semalam, hadir sama menyaksikan pertuduhan Muhyiddin adalah Timbalan Presiden Bersatu, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu; Naib Presiden, Datuk Dr. Mohd. Radzi Md. Jidin dan Ronald Kiandee serta Ketua Armada, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal.

Selain itu, pimpinan komponen PN, Presiden Parti Gerakan, Datuk Dr. Lau Hoe Chai turut kelihatan hadir dalam mahkamah.